

## **Dana milik kerajaan siap sedia, hadapi impak konflik Rusia-Ukraine**

**FREE MALAYSIA TODAY**

**March 02, 2022**

**Bloomberg**

KUALA LUMPUR: Dana-dana utama milik kerajaan di Malaysia tidak mempunyai pelaburan di Rusia dan Ukraine, namun krisis yang masih tidak menunjukkan penyelesaian itu dijangka memberi kesan tidak langsung terhadap prestasi mereka.

“Pendedahan kami kepada isu Eropah sebenarnya kecil, namun keadaan seperti ini bukan sekadar masalah tempatan. Ia bukan sekadar satu insiden tempatan,” kata Amirul Feisal Wan Zahir, Pengarah Urusan Khazanah Nasional Bhd kepada pemberita hari ini.

“Ini sesuatu yang sedang kami taksirkan, namun kesannya lebih melibatkan pasaran umum.”

Dana-dana milik kerajaan Asia Tenggara setakat ini terselamat daripada kesan krisis yang menggugat pasaran global, dengan Temasek Holdings Pte di Singapura berkata kesan pendedahan terhadap keadaan di Russia serta Ukraine adalah “tidak penting.”

Saham minyak sawit Malaysia diunjurkan yang tertinggi hari ini sejak September 2014, manakala saham Hibiscus Petroleum Bhd dan Indonesia Energy Corp yang tersenarai di AS masing-masing melonjak kira-kira 20% dan 184% bulan lalu.

Khazanah bagaimanapun meneliti impaknya terhadap ekonomi dan harga komoditi, selain kemungkinan berlaku kekurangan bekalan, dalam pada keadaan yang tidak menentu terhadap pasaran disebabkan serangan Rusia di Ukraine.

Nilai aset bersih dana itu meningkat 9% kepada RM86 bilion pada 2021, kata Amirul Feisal.

“Balasan dalam bentuk sekatan yang memberi kesan terhadap harga komoditi, melihat harga bahan bakar meningkat. Ini akan mengakibatkan kerajaan-kerajaan meneliti dasar masing-masing sama ada dari segi kewangan atau fiskal, dan kesannya terhadap perdagangan,” katanya.

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berkata, ketakstabilan malah membuka peluang untuk pasaran.

“Kita dapat membuat untung apabila pasaran turun atau naik kerana ufuk pelaburan jangka panjang,” kata Ketua Pegawai Eksekutifnya Amir Hamzah Azizan.

“Apabila pasaran menurun dan kita mahu mengambil peluang membeli aset jangka panjang yang baik, kuncinya adalah untuk memahami apa kesannya bagi jangka panjang dan memastikan mempunyai fleksibiliti untuk menggerakkan portfolio kita.”

Dana itu tidak terdedah secara langsung dalam aset di Rusia dan Ukraine, kata Amir Hamzah yang turut mengumumkan dividen 6.10% bagi simpanan konvensional dan 5.65% bagi simpanan syariah untuk tahun kewangan 2021.

**Copyright © 2009 - 2021 FMT Media Sdn Bhd. All Rights Reserved.**

Sources:

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/03/02/dana-milik-kerajaan-siap-sedia-hadapi-impak-konflik-rusia-ukraine/>